

05 DEC 1997

Keng Yaik-Ghana

MALAYSIA BERSEDIA PERLUAS LATIHAN KEPADA GHANA

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Malaysia, yang mempunyai kepakaran dalam industri berasaskan sumber tropika, mampu menawarkan latihan teknikal dan pengurusan kepada Ghana untuk menyediakan kemungkinan pelaburan masa depan dalam bidang itu, kata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Beliau berkata walaupun terdapat kelembapan pelaburan Malaysia di luar negara pada masa ini, Malaysia boleh menyediakan kerjasama teknikal kepada Ghana dalam industri itu apabila keadaan ekonomi kembali pulih.

"Jika keadaan kembali normal, kita boleh bersedia menerusi program kerjasama teknikal untuk melatih penyelidik dan pengurus dalam pelbagai industri berasaskan sumber yang mereka (Ghana) mahu," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Presiden Ghana Jerry J. Rawlings, di sini.

Beliau berkata Rawlings, dalam pertemuan selama sejam itu, telah menjemput sektor swasta Malaysia untuk melabur dalam membangunkan industri berasaskan sumber di Ghana.

Dr Lim berkata Malaysia dan Ghana boleh membentuk sebahagian daripada konsortium untuk menceburi industri berasaskan sumber tropika seperti perkayuan, koko, getah dan minyak sawit di mana Malaysia boleh menyediakan kepakaran dan Ghana menyediakan tanah dan sumber manusia.

Sebuah lagi negara boleh menyediakan pasaran dan kewangan bagi projek-projek yang dijalankan itu, katanya.

Dengan konsep tiga pihak, negara seperti Perancis, China dan Mesir, dengan bertindak sebagai sebuah negara ketiga, bukan sahaja dapat membantu dalam memajukan ekonomi negara-negara membangun tetapi juga dalam menyerapkan produk yang dihasilkan di negara-negara itu, katanya.

Rawlings tiba di sini semalam untuk lawatan kerja dua hari. Beliau akan berada di Langkawi esok untuk menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

NI AKD